

16/03/2004

BN berjaya buktikan kewibawaan: Dr Mahathir

KLANG: Barisan Nasional (BN) berjaya membuktikan kewibawaannya sebagai satu-satunya parti di dunia yang dapat membangun, mententeram dan mengamankan negara selama hampir 50 tahun walaupun mempunyai penduduk pelbagai kaum, agama dan kepercayaan.

Sehubungan itu, rakyat negara ini dianggap cukup matang dan boleh menilai parti mana yang patut dipilih dalam Pilihan Raya Umum ke-11 ini bagi meneruskan agenda pembangunan negara agar Malaysia kekal dikagumi dunia.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kejayaan Malaysia mewujudkan keharmonian dan keamanan antara rakyat pelbagai kaum dengan membolehkan mereka hidup dalam keadaan tenang dan aman tanpa perbalahan mengagumkan dunia.

"Saya baru balik dari Jeddah, Arab Saudi di mana mereka menjemput saya bercakap bagaimana Malaysia dapat dibangunkan begitu pesat sedangkan rakyatnya pelbagai kaum.

"Mereka kagum dengan Malaysia kerana ada sesetengahnya berpendapat negara berbilang kaum akan menghadapi masalah perkauman.

"Lihat saja apa yang berlaku di negara seperti Sri Lanka, India, Lubnan, Israel, Ireland Utara, India dan beberapa negara lain apabila penduduk terdiri daripada pelbagai kaum jarang sekali keadaannya aman dan pembangunan dapat diadakan.

"Berbeza dengan di Malaysia, kita bukan saja terdiri dari pelbagai kaum yang menganuti agama berlainan tetapi dapat bekerjasama dalam keadaan aman dan damai serta dapat membangunkan negara kita," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata demikian ketika menghadiri pertemuan dengan pengundi Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, keamanan itu lahir daripada kejayaan dan kebijaksanaan pemimpin terdahulu mengamalkan konsep perkongsian kuasa antara tiga kaum utama di negara ini melalui parti Umno, MCA dan MIC

"Sekiranya ketiga-tiga ini menuntut kemerdekaan bagi Malaysia bersama tanpa bermusuhan maka ahli dan pengikut mereka juga tentu sanggup bekerjasama," katanya.

Berbanding parti pembangkang, katanya, mereka hanya mengutamakan kepentingan dan menuntut hak bagi satu-satu kaum saja.

"PAS umpamanya mengutamakan hanya orang Melayu saja. DAP mengutamakan Cina saja walaupun terdapat beberapa kerat Melayu dalam DAP. Mereka tidak mengambil kira sensitiviti kaum lain dengan menuntut bagi kaum mereka saja," katanya.

Selain itu, katanya, rakyat boleh melihat sendiri bagaimana mundurnya Kelantan dan Terengganu kerana tidak diperintah oleh BN.

"Kita lihat ramai rakyat Kelantan terpaksa meninggalkan Kelantan untuk bekerja di negeri lain, tetapi penduduk negeri yang diperintah BN tidak pernah lari dari negeri mereka untuk bekerja di dua negeri itu kerana tiada peluang kerja disebabkan pemerintahan yang tidak cekap," katanya.

Sebaliknya, ujar beliau, kerajaan negeri atau Pusat yang ditadbirkan oleh BN mampu membangunkan negara sehingga Malaysia diakui negara lain sebagai contoh kepada mereka.

Beliau berkata, BN tidak pernah mengajar rakyat membenci parti lawan sebaliknya mengajak mereka membuat penilaian yang mana satu baik dan mana tidak baik.

"Sebab itulah selepas selepas 10 pilihan raya diadakan, rakyat terus memberi mandat kepada BN untuk mentadbir kerana yakin pada kemampuan dan keikhlasan kita dalam membangunkan negara dan rakyat," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan isteri, Datin Seri Zahrah Kechik serta calon BN bagi DUN Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil; Datuk Jaei Ismail (DUN Meru); Datuk Zainal Md Derus (DUN Selat Klang); Koh Siew Kim (DUN Sungai Pinang) dan calon Parlimen Kapar, Komala Devi M Perumal.